

NO. SOALAN: 145

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9079

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan terperinci identiti puak kumpulan "Sulu Komander" yang berada di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri Sabah seperti yang diumumkan oleh Menteri Dalam Negeri dan apakah tindakan yang telah dilaksanakan atas mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tindakan mana-mana individu yang cuba untuk menggugat keselamatan negara terutamanya apabila ia dilakukan oleh rakyat tempatan dengan penglibatan orang luar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, pihak polis sedang giat berusaha untuk mengenalpasti individu-individu tertentu di Sabah yang telah dilantik oleh kepimpinan Kesultanan Sulu bagi meneruskan agenda mereka untuk menuntut Sabah daripada Malaysia. Sehingga kini, pihak polis telah menahan seramai 6 orang yang terdiri daripada warganegara Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 2 orang adalah bertaraf Panglima manakala selebihnya pengikut biasa.

Peranan melindungi keselamatan negara yang dimainkan oleh pihak polis sahaja tidak mampu untuk memastikan keselamatan negara di segenap penjuru. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas ini. Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis amat diharapkan agar elemen kumpulan pengganas dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN HEE LOY SIAN**
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : **26 MEI 2016 (KHAMIS)**

SOALAN : **146**

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) Hasil siasatan nahas helikopter RCP2868 yang terhempas di Sarawak pada 5 Mei 2016.
- (b) Bagaimana sebuah syarikat penerbangan dari Filipina boleh diberikan kontrak perkhidmatan menguruskan perjalanan bagi kerajaan Sarawak.

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan nahas helikopter RPC6828 yang terhempas di Sg. Batang Lupar, Sarawak pada 5 Mei 2016 masih dijalankan yang melibatkan kerja-kerja mencari bangkai utama pesawat. Siasatan ini dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Laut, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak, Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA). Setakat ini, pencarian tersebut hanya menggunakan *visual surface search* dan *sonar*, manakala bermula 19 Mei 2016, peralatan yang lebih sesuai seperti *side scan sonar* dan *multi-beam sonar* turut digunakan.
- (b) Kerajaan Sarawak telah memberi kontrak penerbangan khas untuk pilihan raya tersebut kepada Syarikat Penerbangan Hornbill Skyways yang berpangkalan di Kuching Sarawak. Hornbill Skyways telah menyewa beberapa pesawat (helikopter) dari Filipina bagi menjalankan tugas tersebut. Semua juruterbang dan helikopter yang disewa telah melalui semua peraturan pemantauan penerbangan (*Airworthiness* dan *Flight Operation*) sebelum dibenarkan beroperasi di bawah payung Syarikat Hornbill Skyways.